

NOTIS MESUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIBERITAHU bahwa **Mesuarat Agung Tahunan yang ke Dua Puluh Lapan (ke 28)** bagi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad akan diadakan di **Level 11, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada **25 Mei, 2001 jam 3.30 petang** untuk tujuan berikut :-

AGENDA

1. Menerima dan meluluskan Penyata Kira-Kira Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember, 2000 serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit.
(Resolusi 1)
2. Melantik semula Pengarah-Pengarah yang bersara mengikut Fasal 76A, 76B dan 77, Tataurusan Syarikat, dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk dilantik semula.
(Resolusi 2)
3. Meluluskan pembayaran yuran kepada Pengarah-Pengarah.
(Resolusi 3)
4. Melantik Juruaudit dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran Juruaudit.
(Resolusi 4)
5. Menguruskan sebarang urusan lain di mana notis yang berkenaan telah diterima.

Atas Perintah Lembaga Pengarah.

GAYAH HJ MOHD NORDIN

Setiausaha Syarikat

*Petaling Jaya
8 Mei, 2001*

Nota:: Seorang ahli yang berhak hadir dan mengundi boleh melantik wakil untuk hadir, dan mengundi bagi pihaknya. Wakil itu tidak semestinya ahli Syarikat. Borang perwakilan mesti diserahkan di Pejabat Berdaftar Syarikat ini di Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, tidak lewat daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mesuarat itu atau mesuarat yang ditangguhkan.

NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the **Twenty Eighth (28th) Annual General Meeting** of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad will be held at **Level 11, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** on **May 25, 2001** at **3.30 p.m.** for the following purposes :-

AGENDA

1. To receive and adopt the Audited Accounts for the year ended December 31, 2000 together with the reports of the Directors and Auditors.
(Resolution 1)
2. To re-elect Directors who are retiring pursuant to Articles 76A, 76B and 77 of the Corporation's Articles of Association and, being eligible, offer themselves for re-election.
(Resolution 2)
3. To approve payment of Directors' fees.
(Resolution 3)
4. To appoint Auditors and to authorize the Board of Directors to fix the Auditors' remuneration.
(Resolution 4)
5. To transact any other business for which the notice shall have been given.

By Order of the Board.



GAYAH HJ MOHD NORDIN

Company Secretary

Petaling Jaya
May 8, 2001

Note: A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote for him. A proxy or an attorney need not be a member of the Company. The instrument appointing a proxy must be deposited at the Registered Office of the Company, at Level 13 - 16, Bangunan GCG, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.

LEMBAGA PENGARAH
Board of Directors



**Dato' Dr Zeti
Akhtar Aziz**



**Dato' Mohd Salleh
bin Hj. Harun**



**Encik Wan Azhar bin
Wan Ahmad**



**Datuk Amirsham bin
A. Aziz**



**Encik Mohamed
Azmi bin Mahmood**



**Encik Mohd Shah
bin Dato' Abu Bakar**



Encik Wong Yew Sen



**Dr. Rozali bin
Mohamed Ali**



**Encik Michael
Andrew Hague**

**Credit
Guarantee
Corporation**

MAKLUMAT KORPORAT
Corporate Information

LEMBAGA PENGARAH • BOARD OF DIRECTORS

Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz

Pengerusi /Chairman

Dato' Mohd Salleh bin Hj. Harun

Naib Pengerusi /Deputy Chairman

Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad

Pengarah Urusan /Managing Director

Encik John Ting Sik Kang

(bersara pada 31 Mac, 2001 /resigned on 31st March, 2001)

Datuk Amirsham bin A. Aziz

Encik Mohamed Azmi bin Mahmood

Encik Mohd Shah bin Dato'Abu Bakar

Encik Wong Yew Sen

Dr. Rozali bin Mohamed AN

Encik Michael Andrew Hague

PEJABAT BERDAFTAR • REGISTERED ADDRESS

Level 13-16, Bangunan CGC

Kelana Business Centre

97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT MENYURAT •

ADMINISTRATIVE AND CORRESPONDENCE ADDRESS

Level 13-16, Bangunan CGC

Kelana Business Centre

97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

SETIAUSAHA SYARIKAT • COMPANY SECRETARY

Gayah bte Hj Mohd Nordin

JURUAUDIT • AUDITOR

Salleh, Leong, Azlan & Co.,

Akauntan Awam / Public Accountants

BILANGAN PEKERJA • NUMBER OF EMPLOYEES

118

MATAWANG • CURRENCY

Ringgit Malaysia (RM)

AHLI PENGURUSAN

Management Team



Berdiri dari kiri / Standing from left:

Encik Rusdi bin Haji Ibrahim, Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad,
Encik Johar bin Haji Nor, Encik Khoo Kim Ho

Ketua Eksekutif/

Chief Executive

Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad

Penolong Pengurus Besar, Kredit/

Assistant General Manager, Credit

Encik Johar bin Haji Nor

Penolong Pengurus Besar,

Perkhidmatan Korporat/

Assistant General Manager, Corporate Services

Encik Rusdi bin Haji Ibrahim

Penolong Pengurus Besar, Operasi/

Assistant General Manager, Operations

Encik Khoo Kim Ho



Memberi perkhidmatan yang berkualiti dan profesional
Providing quality and professional services



Suasana tempat kerja yang kondusif di CGC
A conducive working environment at CGC

JAWATANKUASA TUNTUTAN

Committee on Claims

PENGERUSI • CHAIRMAN

Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad
Pengarah Urusan /Managing Director
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

AHLI-AHLI • MEMBERS

Encik Johar bin Haji Nor
Penolong Pengurus Besar, Kredit / Assistant General Manager, Credit
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Encik Khoo Kim Ho
Penolong Pengurus Besar, Operasi /Assistant General Manager, Operations
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Encik Arshad bin Bani
Pengurus Kanan, Jabatan Penyeliaan Perbankan II/
Senior Manager, Banking Supervision II
Bank Negara Malaysia

Puan Wong Lee Eng
Naib Presiden / Vice President
OCBC Bank (Malaysia) Berhad


Encik Suhardi bin Buyong
Pengurus Kanan / Senior Manager
Arab-Malaysian Finance Berhad

SETIAUSAHA • SECRETARY

Encik Shazwan Mohan bin Abdullah
Pengurus, Tuntutan /Manager, Claims
Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

CARTA ORGANISASI

Organisation Chart



PENYATA PENGERUSI

Chairman's Statement

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Credit Guarantee Corporation yang ke-28 bagi tahun berakhir 31 Disember 2000.

Sepanjang tahun lalu, CGC menerima permintaan yang berterusan bagi mendapatkan jaminannya di bawah pelbagai skim jaminan. Ini bagi mempastikan perniagaan kecil dan sederhana terus mendapat laluan kredit yang diperlukan. Dalam tahun 2000, jumlah dan nilai pinjaman yang dijamin di bawah skim-skim utama telah meningkat, masing-masing sebanyak 3.8% dan 6.8% dengan 8,595 pinjaman bernilai RM2.1 bilion berbanding 8,277 pinjaman bernilai RM1.9 bilion pada tahun sebelumnya. Namun demikian, prestasi keseluruhan bilangan pinjaman yang dijamin di bawah kesemua skim CGC telah merosot disebabkan oleh penurunan Skim Pinjaman Berprogram dengan tamatnya Tabung Usahawan Kecil (TUK) yang telah banyak menyumbang kepada pertumbuhan pinjaman pada tahun sebelumnya.

Sepanjang tempoh tersebut, keuntungan operasi CGC telah meningkat kepada RM123.3 juta daripada RM96.5 juta pada tahun 1999 manakala perbelanjaan operasi turut meningkat daripada RM6.2 juta pada tahun 1999 kepada RM8.1 juta dalam tahun 2000. Dengan penambahan modal berbayar sebanyak RM1 bilion dalam tahun 2000 dan keuntungan bersih yang dicatatkan bernilai RM153.3 juta pada tahun tersebut, dana pemegang saham CGC kini berjumlah RM2.5 bilion.

SOROTAN SEMASA

Walaupun terdapat tanda-tanda kelembapan ekonomi dunia, CGC tetap komited dalam membantu perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mendapatkan kemudahan pinjaman melalui mekanisme jaminannya. Dengan peningkatan modal berbayar dan pengstrukturkan semula yang dilakukan oleh CGC, PKS dijangka akan mendapat laluan yang lebih baik kepada kemudahan kredit hasil dari peningkatan keupayaan CGC.

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the 28th Annual Report of the Credit Guarantee Corporation for the year ended December 31, 2000.

During the year under review, the Corporation experienced continued demand for its guarantee under the various credit guarantee schemes thus ensuring the much-needed access to credit for small and medium businesses. In the year 2000, the number and value of loans guaranteed under the main schemes grew 3.8% and 6.8% respectively with the Corporation guaranteeing 8,595 loans valued at RM2.1 billion compared to 8,277 loans valued at RM1.9 billion the previous year. However, the overall performance for loans guaranteed under all schemes declined as loans under programme lending schemes declined with the discontinuation of Tabung Usahawan Kecil (TUK) which had contributed to the loan growth in the previous year.

During the year, the Corporation's operating revenue increased to RM123.3 million from RM96.5 million in 1999 while operating expenses increased from RM6.2 million in 1999 to RM8.1 million in 2000. With the increase in paid-up capital by another RM1.0 billion in 2000 and the net profit of RM153.3 million registered during the year, the Corporation's shareholders' fund now amounted to RM2.5 billion.

HIGHLIGHTS

Despite the signs of a global economic slowdown, the Corporation remains committed in assisting small and medium enterprises (SMEs) obtain institutional financing through its guarantee mechanism. With the increase in paid-up capital and the restructuring exercise undertaken by the Corporation, SMEs are expected to have better access to credit arising from the Corporation's increased capacity.

The Corporation will continue to work closely with the Ministry of Entrepreneur Development to assist the smaller entrepreneurs as well as other businesses, in identified sectors such as vendor and franchise to gain the required access to financing. The Tabung Usahawan Kecil (TUK), which ceased operations in January 2000, has since been replaced with the Small Entrepreneur Guarantee Scheme (SEGS).

PENYATA PENGURUSI

Chairman's Statement

CGC akan terus menjalin kerjasama erat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu usahawan-usahawan kecil dan lain-lain perniagaan dalam sektor-sektor tertentu seperti vendor dan francais mendapatkan pembiayaan yang diperlukan. Tabung Usahawan Kecil (TUK) yang ditamatkan operasinya pada Januari 2000, telah digantikan dengan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK).

Menyedari kesukaran yang mungkin dihadapi oleh sesetengah PKS untuk mendapatkan pembiayaan dari institusi kewangan, khususnya yang tiada cagaran, CGC telah memperkenalkan Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) bermula Julai 2000. SJLT menawarkan sistem penyaluran alternatif kepada PKS untuk mendapatkan kemudahan kredit dengan membolehkan mereka memohon kemudahan pinjaman yang diperlukan terus kepada CGC. Dengan pelaksanaan SJLT, PKS yang terbabit dijangka akan mendapat manfaat daripada peningkatan peranan CGC, yang melibatkan pembukaan cawangan-cawangan CGC di seluruh negara menjelang akhir tahun 2001. Sebanyak 23 pinjaman bernilai RM5.8 juta telah diluluskan pada akhir tahun 2000, menjadikan pinjaman terkumpul setakat ini kepada 114 pinjaman bernilai RM41.0 juta.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem penyaluran pinjaman, dan demi mengembangkan perkhidmatannya kepada golongan IKS, CGC akan melancarkan laman perkhidmatan portal yang akan membolehkan permohonan pinjaman dibuat melalui internet. Adalah dijangkakan bahawa pelaksanaan portal ini akan menyumbang kepada pencapaian matlamat CGC untuk berperanan sebagai sebuah Pusat Pembiayaan Setempat kepada semua IKS di negara ini, di samping menjadi pelengkap kepada sistem penyaluran pinjaman sedia ada dan yang akan datang.

Adalah diharapkan perkhidmatan baru ini akan menjadi tempat pertemuan yang sesuai bagi peminjam-peminjam berpotensi yang memerlukan pembiayaan dengan institusi-institusi kewangan yang berminat menawarkan perkhidmatan serta CGC sebagai pemberi Jaminan. Di samping itu, perkhidmatan portal ini juga akan menyediakan maklumat komprehensif mengenai IKS kepada peminjam-peminjam yang berpotensi.

Recognising that some SMEs may face difficulties in securing financing from financial institutions, especially those that lack collateral, the Corporation has introduced the Direct Access Guarantee Scheme (DAGS) commencing July 2000. The DAGS provides an alternative delivery channel for SMEs to gain access to credit and allows SMEs to apply for the credit facilities that they require, directly to the Corporation. With the introduction of DAGS, SMEs involved in identified sectors are expected to benefit from the expanded role of the Corporation, which involves the opening up of CGC branches nationwide by the end of 2001. To date, a total of 23 loans valued at RM5.8 million had been approved by end 2000 and has now cumulatively reached 114 loans valued at RM41.0 million as at April, 2001.

In an effort to further enhance the delivery channels and to expand its reach to the SMIs, the Corporation is launching a web service portal that allows for on-line loan applications via the Internet. It is envisaged that the portal will contribute towards the Corporations vision to be the one-stop financing centre for all SMIs in Malaysia whilst complementing the existing and future delivery channels.

It is hoped that this new service will provide a conducive meeting point for potential borrowers (SMIs) that require financing and the interested financiers that want to provide financing and CGC as a guarantee service provider. In addition, the service portal will also provide comprehensive information on SMIs to potential borrowers.

PENYATA PENGURUSI

Chairman's Statement

MASA HADAPAN

Di masa hadapan, ekonomi dalaman Malaysia akan menjadi pemancu utama pertumbuhan dalam suasana kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia. Memandangkan IKS merupakan kumpulan majoriti yang menggerakkan aktiviti-aktiviti perniagaan di Malaysia dan sumbangan mereka kepada kestabilan ekonomi negara adalah penting, CGC akan terus komited dalam membantu merealisasikan keperluan pembiayaan mereka.

Pada tahun 2001, CGC meletakkan sasaran untuk menjamin sejumlah RM3.2 bilion pinjaman baru menggambarkan peningkatan sebanyak 28% berbanding dengan jumlah yang dicatatkan dalam tahun 2000. Bagi merealisasikan sasaran ini, CGC akan menggalakkan institusi kewangan untuk terlibat secara lebih aktif di dalam skim-skim jaminannya di samping memberi penekanan kepada pelaksanaan SJLT melalui rangkaian cawangannya di seluruh negara.

Keupayaan CGC untuk menjamin telah diperkuuhkan lagi dengan peningkatan modal berbayar sebanyak RM1.0 bilion membawa kepada RM1.6 bilion, dan ini menjadikan CGC lebih bersedia untuk memenuhi komitmen dan tanggungjawab jaminannya. Dalam usaha mengembangkan kumpulan sasarnya, CGC baru-baru ini telah menyemak semula kriteria kelayakan dengan membenarkan syarikat yang mempunyai dana pemegang saham sehingga RM10 juta untuk mendapatkan pinjaman di bawah skim-skim CGC, sekaligus membuka peluang kepada lebih banyak IKS mendapatkan jaminan CGC. Langkah ini akan menjadikan CGC lebih fleksibel dalam membantu IKS di masa akan datang.

PENGHARGAAN

CGC merakamkan penghargaan di atas sokongan kesemua institusi kewangan yang terlibat dalam membantu CGC mencapai matlamat dan objektifnya. Penglibatan mereka dalam pelbagai skim jaminan CGC mencerminkan bahawa mekanisme jaminannya adalah satu cara yang praktikal dan berdayamaju untuk memajukan pertumbuhan PKS di negara ini secara keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, beberapa institusi kewangan telah dipilih untuk menerima

OUTLOOK

Looking ahead, the domestic economy will be the main driver of growth in an environment of a slower growth in the global economy. As SMEs constitute the majority of business activities in Malaysia and their contribution towards growth of the national economy is vital, the Corporation therefore remains fully committed in assisting SMEs in obtaining their financing needs.

For the year 2001, the Corporation is targeting to guarantee new loans totaling RM3.2 billion, reflecting an increase of 28% over that registered in 2000. To realise the target, the Corporation will encourage financial institutions to actively participate in the guarantee schemes besides giving emphasis on the implementation of DAGS through its branch network.

The Corporation's capacity to guarantee has been strengthened with the increase in its paid-up capital by RM1.0 billion bringing the total to RM1.6 billion, resulting in the Corporation being in a better position to fulfill its guarantee commitment and obligations. In an effort to expand the target group further, the Corporation has recently revised the eligibility criteria to allow companies with shareholders' fund of up to RM10.0 million to borrow under the schemes, hence allowing a wider access to the guarantee. This move will provide the Corporation with greater flexibility in assisting an increase in the numbers of SMIs in the future.

ACKNOWLEDGEMENTS

The Corporation acknowledges the support of all participating financial institutions in assisting the Corporation meet its goals and objectives. Their participation in the various guarantee schemes is a reflection of the practicality and viability of the guarantee mechanism as a means to promote the overall development of SMEs in the country. In this regard, several financial institutions have been selected to receive the CGC Top Supporter Award in conjunction with the Corporations 28th Annual General Meeting. I wish to take this opportunity to extend my congratulations and appreciation and look forward to their continued support in the years ahead.

PENYATA PENGERUSI

Chairman's Statement


Anugerah Pendokong Utama CGC sempena Mesyuarat Agung CGC yang ke-28 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan tahniah dan terima kasih serta mengharapkan sokongan berterusan dari mereka pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah atas sumbangan, penglibatan dan sokongan mereka sepanjang tahun lalu. Bagi pihak CGC, saya ingin mengalaukan perlantikan Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun, Dr. Rozali bin Mohamed Ali, Encik Michael Andrew Hague and Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Julai, 2000.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan, kementerian-kementerian dan lain-lain agensi kerajaan, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan serta Dewan-dewan Perniagaan dan Persatuan-persatuan peniaga atas kerjasama dan sokongan mereka dalam membantu CGC melalui tahun yang mencabar pada 2000. Terima kasih juga diucapkan kepada semua kakitangan CGC atas usaha mereka dan saya yakin Lembaga Pengarah boleh terus mengharapkan kesetiaan dan komitmen mereka pada tahun-tahun yang akan datang.

I also wish to thank the Board for their contribution, involvement and support throughout the year. On behalf of the Corporation, I wish to welcome to the Board, Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun, Dr. Rozali bin Mohamed Ali, Encik Michael Andrew Hague and Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad who were appointed on July 15, 2000.

On behalf of the Board, I wish to also thank the Ministry of Entrepreneur Development, Ministry of Finance, other Government Ministries and agencies, commercial banks and finance companies as well as the various Chamber of Commerce and trade associations for their cooperation and support in helping the Corporation through a challenging year. I thank all the staff for their efforts and I am confident that the Board can rely on their loyalty and commitment in the years to come.



Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi / Chairman
Lembaga Pengarah / Board of Directors

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Dalam menempuh milenium yang baru, CGC telah melalui tahun yang mencabar pada tahun 2000. CGC terus meningkatkan usaha untuk mengekal dan memperkuatkan kedudukan kewangannya dalam mengeluarkan jaminan kepada lebih ramai Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Keperluan kepada jaminan CGC menjadi lebih ketara terutamanya dengan jangkaan pertumbuhan positif ekonomi negara. Dalam hal ini, CGC telah melaksanakan tindakan pengstruktur semula modal dengan meningkatkan modal berbayarnya sebanyak RM1 bilion melalui terbitan khas saham biasa baru kepada Bank Negara Malaysia.

Dalam tahun 2000, CGC terus menguruskan sembilan (9) skim jaminan yang secara amnya dikategorikan sebagai Skim-skim Utama dan Skim-skim Pembiayaan Berprogram. Pecahan skim-skim tersebut adalah seperti berikut :-

Skim-skim Utama

1. Skim Jaminan Utama Baru (SJUB)
2. Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)
3. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)
4. Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)

Skim-skim Pembiayaan Berprogram

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Tabung Usahawan Kecil (TUK)
3. Skim Pembiayaan Francais (SPF)
4. Tabung Ekonomi Belia (TEB)
5. Skim Jaminan Program Usahawan (SJPU)

Dalam tahun 2000, CGC telah menyemak semula Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) dengan memperkenalkan beberapa perubahan untuk memperbaiki ciri-ciri skim tersebut. Semakan yang dibuat ke atas garispanduan skim tersebut, di antara lain telah mendefinisikan semula sektor utama dan lindungan jaminan seperti Jadual 1:

Jadual 1: Ciri-ciri baru SJUB

CIRI - CIRI	SEBELUM	SEMAKAN
Definisi Sektor Utama (*)	"Perniagaan dalam sektor utama membabitkan aktiviti-aktiviti yang digalakkan oleh kerajaan, termasuk mereka yang mempunyai aset bersih atau dana pemegang saham tidak melebihi RM250,000".	"Perniagaan dalam sektor utama yang membabitkan aktiviti-aktiviti yang digalakkan oleh kerajaan, termasuk mereka yang mempunyai aset bersih atau dana pemegang saham tidak melebihi RM500,000".
Tanpa Cagaran Maksima	Lindungan Jaminan Tanpa Cagaran Sektor Lain - RM0.5 juta Sektor Utama - RM0.75 juta Pembuatan - RM2.5 juta	Lindungan Jaminan Tanpa Cagaran Sektor Lain - RM1.0 juta Sektor Utama - RM1.5 juta Pembuatan - RM2.5 juta (Tiada had dikenakan bagi lindungan jaminan yang bercagar seperti mana ciri yang sedia ada)

* Sektor utama merupakan semua aktiviti perniagaan yang digalakkan oleh kerajaan terutamanya yang disenaraikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri serta Kementerian Pembangunan Usahawan.

Sejak Mac 1999, CGC telah memperkenalkan Skim Jaminan Anjal (SJA) bagi menyahut saranan Kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan dana dari tabung-tabung khas yang disediakan untuk kemudahan Industri Kecil dan Sederhana. Skim ini menawarkan jaminan bagi pinjaman di bawah Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS), Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana (TPIKS), Tabung Usahawan Baru (TUB) dan Tabung Untuk Makanan (3F). Pada Mei 2000, Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) telah dihentikan dan digantikan dengan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2). CGC juga telah dilantik sebagai pengurus dana untuk TIKS2 dengan peruntukan awal sebanyak RM200 juta.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Embarking on the new millennium, the Corporation experienced a challenging year in 2000. The Corporation continued its efforts to further consolidate and strengthen its financial capacity to extend its guarantee to more Small and Medium Enterprises (SMEs). The need for the Corporation's guarantee is more evident especially with the expected positive developments in the national economy. In this regard, the Corporation undertook a capital restructuring exercise to increase the paid-up capital by RM1.0 billion through a special issue of new ordinary shares to Bank Negara Malaysia.

In 2000, the Corporation continued to manage 9 guarantee schemes, broadly categorised as the Main Schemes and the Programmed Lending Schemes. The schemes breakdown are as follows:-

Main Schemes

1. New Principal Guarantee Scheme (NPGS)
2. Interest-Free Banking Scheme (IFBS)
3. Direct Access Guarantee Scheme (DAGS)
4. Small Entrepreneur Guarantee Scheme (SEGS)

Programmed Lending Schemes

1. Flexi Guarantee Scheme (FGS)
2. Small Entrepreneurs Fund (TUK)
3. Franchise Financing Scheme (FFS)
4. Youth Economic Development Programme (TEB)
5. Enterprise Programme Guarantee Scheme (EPGS)

In 2000, the Corporation undertook a review of the existing New Principal Guarantee Scheme (NPGS) and introduced some enhancements to the features of the scheme. The revised guidelines of the NPGS, among others, redefined the priority sector and the guarantee cover as per Table 1:

Table 1 : New Features of NPGS

FEATURE	PREVIOUS	REVISED
Definition of Priority Sector (*)	"Businesses in priority sector are those engaged in activities promoted by the government and include those with net assets or shareholders' fund not exceeding RM250,000".	"Businesses in priority sector are those engaged in activities promoted by the government and include those with net assets or shareholders' fund not exceeding RM500,000".
Maximum Guarantee Cover	<u>Unsecured Portion</u> ("Clean" Facility) Non-priority - RM0.5 million Priority - RM0.75 million Manufacturing - RM2.5 million	<u>Unsecured Portion</u> ("Clean" Facility) Non-priority - RM1.0 million Priority - RM1.5 million Manufacturing - RM2.5 million (There is no capping imposed on the secured portion as in the current arrangement.)

" Priority sector means all activities promoted by the Government especially those listed by the Ministry of International Trade & Industry and the Ministry of Entrepreneur Development

The Corporation, had since March, 1999 introduced the Flexi Guarantee Scheme (FGS). The FGS was in response to the Government's call for greater utilisation of the special loan funds allocated to Small and Medium Industries (SMIs). It caters for loans granted under the Fund for Small and Medium Industries (FSMI), Rehabilitation Fund for Small and Medium Industries (RFSMI), New Entrepreneurs Fund (NEF) and the Fund for Food (3F). In May 2000, the Fund for Small and Medium Industries (FSMI) was discontinued and replaced with the Fund for Small and Medium Industries 2 (FSMI2). The Corporation has also been appointed the administrator for the FSMLI2 with an initial allocation of RM200 million.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Sepanjang tempoh tersebut, CGC juga terus membantu golongan usahawan kecil untuk mendapatkan kemudahan kredit dari institusi kewangan. Tabung Usahawan Kecil (TUK), yang diperkenalkan pada tahun 1998 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada usahawan kecil di seluruh negara. Sewaktu TUK diberhentikan operasinya pada 31 Disember, 1999, ia telah mencatatkan kelulusan pinjaman berjumlah 33,959 dengan nilai RM384.2 juta. Bagi menggantikan TUK, CGC telah memperkenalkan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK) pada 1 Julai, 2000. Tujuan utama skim tersebut adalah untuk membantu usahawan kecil yang berdaya maju mendapatkan kemudahan kredit di antara RM10,000 sehingga RM50,000 dari institusi kewangan. Sepanjang tahun 2000, SJUK telah memanfaatkan seramai 1,385 usahawan kecil dengan nilai pinjaman berjumlah RM50.8 juta. Ciri-ciri skim tersebut adalah seperti di Jadual 2 :-

Jadual 2: Ciri-ciri SJUK	
Peminjam Yang Layak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Syarikat yang dimiliki oleh warganegara Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Persatuan Koperasi 1993 serta usahawan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan atau mana-mana pihak berkuasa. 2. Peminjam hanya boleh mendapatkan SATU pinjaman sahaja pada satu-satu masa. 3. Peminjam tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dengan mana-mana agensi Kerajaan atau institusi kewangan.
Tujuan Pinjaman	Modal Pusingan dan Pembelian Aset
Had Pinjaman	Di antara RM10,000 sehingga RM50,000
Kadar Pinjaman	1.5% di atas Kadar Pinjaman Asas (KPA) institusi kewangan
Yuran Jaminan	1.25% setahun berdasarkan lindungan jaminan
Lindungan Jaminan	80% daripada jumlah pinjaman
Institusi Kewangan Yang Terlibat	Semua bank perdagangan dan syarikat kewangan

Selaras dengan objektif CGC untuk menyediakan laluan kemudahan kredit yang lebih luas kepada IKS, Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) telah diperkenalkan pada 1 Julai, 2000 dengan pembukaan cawangan utama CGC di Kelana Jaya. Skim ini membolehkan peminjam memohon kemudahan kredit secara terus dari CGC. Ciri-ciri utama SJLT adalah seperti di Jadual 3 :-

Jadual 3: Ciri-ciri SJLT	
Peminjam Yang Layak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Syarikat yang dimiliki dan dikuasai oleh warganegara Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. 2. Modal Berbayar atau dana pemegang saham di antara RM50,000 hingga RM2.5 juta. 3. Tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dengan CGC atau institusi kewangan yang lain.
Sektor Yang Layak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembuatan 2. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pemerosesan dan pemasangan 3. Aktiviti-aktiviti sokongan dalam industri yang berorientasikan eksport 4. Aktiviti-aktiviti peruncitan dan borong 5. Perkhidmatan-perkhidmatan pembaikan 6. Francais
Tujuan Pinjaman	Modal Pusingan dan / atau Pembelian Aset
Had Pinjaman	Di antara RM50,000 sehingga RM10.0 juta
Kadar Pinjaman	1.0% di atas KPA mengikut kiraan bulanan
Yuran Jaminan	1.5% setahun berdasarkan lindungan jaminan
Lindungan Jaminan	Sehingga 100%

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

During the period, the Corporation also continued to provide assistance to smaller entrepreneurs to gain access to institutional credit. The Small Entrepreneurs Fund or Tabung Usahawan Kecil (TUK), established in 1998 had received overwhelming response from small entrepreneurs throughout the country. When the TUK was discontinued on December 31, 1999, it had recorded 33,959 loans amounting to RM384.2 million. In replacement of the TUK, the Corporation had introduced the Small Entrepreneur Guarantee Scheme (SEGS) on July 1, 2000. The main aim of this scheme is to enable viable small entrepreneurs to continue to gain easier access to institutional financing of between RM10,000 and RM50,000. During the year 2000, SEGS had benefited a total of 1,385 small entrepreneurs with loans totaling RM50.8 million. The features of the scheme are as per Table 2:


Table 2: Features of SEGS

<i>Eligible Borrowers</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysian-owned businesses registered under the Companies Act 1965, the Co-operative Societies Act 1993 and entrepreneurs registered under the Registrar of Business or any other authoritative body. 2. Borrower can only have ONE loan under CGC guarantee at any one time. 3. Borrower should not have any adverse record in respect of borrowing from any government agency or financial institution.
<i>Purpose of Loan</i>	<i>Working Capital and Asset Acquisition</i>
<i>Loan Limit</i>	<i>Ranging between RM10,000 to RM50,000</i>
<i>Lending Rate</i>	<i>1.5% above the BLR of the lending institution</i>
<i>Guarantee Fee</i>	<i>1.25% per annum based on the guarantee cover</i>
<i>Guarantee Cover</i>	<i>80% of the facility</i>
<i>Participating Financial Institution</i>	<i>All commercial banks and finance companies</i>

In line with the Corporation's objective to promote better access of its facilities to SMIs, the Direct Access Guarantee Scheme (DAGS) was introduced commencing July 1, 2000 with the opening of the Corporation's main branch in Kelana Jaya. This scheme allows borrowers to apply for credit facilities directly to CGC. The salient features of DAGS are as per Table 3.

Table 3: Features of DAGS

<i>Eligible Borrowers</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysian-owned and controlled private limited companies registered under the Companies Act 1965. 2. Paid-up capital or shareholders' funds ranging between RM50,000 to RM2.5 million. 3. No adverse record with CGC or any Financial Institution.
<i>Eligible Sectors</i>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Manufacturing 2. Activities related to Processing & Assembling 3. Activities Supporting Export Oriented Industries 4. Retailing & Wholesaling Activities 5. Repair Services 6. Franchise
<i>Purpose of Loan</i>	<i>For Working Capital and or Asset Acquisition</i>
<i>Loan Limit</i>	<i>Between RM50,000 to RM1.0 million</i>
<i>Lending Rate</i>	<i>1.0% above BLR on monthly rest</i>
<i>Guarantee Fee</i>	<i>1.5% per annum based on the guarantee cover</i>
<i>Guarantee Cover</i>	<i>Up to 100%</i>




1. PINJAMAN BARU YANG DIJAMIN

CGC telah menjamin 16,671 pinjaman bernilai RM2.46 bilion di bawah kesemua skim dimana 120 pinjaman bernilai RM76.61 juta adalah di bawah skim TIKS2, menjadikan jumlah keseluruhan pinjaman yang diluluskan dalam tahun 2000 kepada 16,791 pinjaman bernilai RM2.54 bilion berbanding dengan 32,586 pinjaman bernilai RM2.5 bilion pada tahun sebelumnya.

Penurunan dalam bilangan pinjaman yang dijamin adalah berpunca dari pemberhentian Tabung Usahawan Kecil (TUK) yang telah menyumbang sebanyak 70.0% daripada bilangan keseluruhan pinjaman yang dijamin pada tahun 1999. Di segi prestasi skim-skim jaminan pada tahun 2000, SJUB mencatatkan sebanyak 43.0% dan 80.7% masing-masing dari segi bilangan dan nilai keseluruhan pinjaman yang dijamin pada tahun 2000.

Butir-butir terperinci pinjaman yang dijamin di bawah pelbagai skim CGC dapat ditunjukkan di Jadual 4:





1. NEW LOANS GUARANTEED

The Corporation guaranteed 16,671 loans valued at RM2.46 billion under all schemes and has lent RM76.61 million for 120 loans outside the guarantee scheme under FSMI2, making the total approved loans in year 2000 to 16,791 loans amounting to RM2.54 billion as compared with 32,586 loans with a value of RM2.5 billion in the previous year.

The decrease in terms of the number of loans guaranteed is mainly attributed to the discontinuation of the Small Entrepreneurs Fund (TUK), whereby TUK contributed about 70.0% of the total number of loans guaranteed in 1999. In terms of the performance of guarantee schemes in year 2000, the NPGS accounted for 43.0% and 80.7% respectively of the overall total number and value of loans guaranteed in 2000.

Details of the loans guaranteed under the various schemes are shown in Table 4:

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Jadual 4 : Pinjaman Yang Dijamin Pada Tahun 1999 Dan 2000

Tahun		1999		2000
	Bil	Nilai (RM juta)	Bil	Nilai (RM juta)
Skim				
Skim-skim utama	8,277	1,915.6	8,595	2,054.1
Terdiri daripada:-				
Skim Jaminan Utama Baru	8,261	1,903.7	7,165	1,988.9
Skim Jaminan Usahawan Kecil	-	-	1,385	50.8
Skim Perbankan Tanpa Faedah	16	11.9	23	5.8
Skim Jaminan Laluan Terus	-	-	22	8.6
Skim Pembiayaan Berprogram	24,309	582.0	8,076	409.1
Terdiri dari pada :-				
Tabung Usahawan Kecil	22,802	253.6	7,123	87.6
Skim Jaminan Anjal	1,073	302.9	863	310.4
Skim Pembiayaan Francais	26	5.1	20	9.1
Tabung Ekonomi Belia	241	5.8	66	0.6
JUMLAH	32,586	2,497.6	16,671	2,463.2

Sepanjang tahun 2000, sebanyak 11,700 pinjaman bernilai RM2,345.4 juta telah dibayar balik dan dibatalkan (1999 : 14,697 pinjaman; RM2,069.1 juta). Bilangan pinjaman yang masih dijamin oleh CGC sehingga 31hb Disember, 2000 adalah sebanyak 82,087 bernilai RM8.2 bilion (1999 : 77,116 pinjaman; RM8.1 bilion)

Sejak penubuhannya, CGC telah menjamin pinjaman terkumpul sebanyak 313,911 pinjaman dengan nilai RM19.5 bilion.

2. ARAH PINJAMAN

Pinjaman yang dijamin di bawah skim-skim Jaminan CGC dalam tahun 2000 telah memanfaatkan tiga sektor utama iaitu, perniagaan am, pembuatan dan pertanian. Sektor perniagaan am mencatatkan 15,332 pinjaman (1999 : 31,160 pinjaman) bernilai RM1,977.3 juta (1999 : RM1,998.8 juta), diikuti dengan sektor pembuatan berjumlah 1,144 pinjaman (1999 : 1,190 pinjaman) bernilai RM438.7 juta (1999 : RM459.7 juta) dan sektor pertanian dengan 191 pinjaman (1999 : 228 pinjaman) bernilai RM44.6 juta (1999 : RM35.2 juta).

3. PINJAMAN MENGIKUT NEGERI

Sepertimana di tahun-tahun sebelumnya, taburan pinjaman yang dijamin di bawah skim-skim utama mengikut negeri masih tertumpu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan 18.0% dari segi bilangan dan 24.2% dari segi nilai kelulusan.

Di bawah Skim Pembiayaan Berprogram, taburan pinjaman tertumpu di Kelantan, dengan catatan 19.1 % dari segi bilangan manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan 28.7% dari segi nilai pinjaman.

4. PINJAMAN MENGIKUT KAUM

Tiada perubahan yang ketara di dalam pemberian pinjaman mengikut kaum. Usahawan Bumiputera terus menikmati kemudahan pinjaman di bawah skim-skim utama pada tahun 2000. Pinjaman kepada usahawan Bumiputera di bawah skim-skim utama sepanjang tahun 2000 adalah bernilai RM407.3 juta. Dalam hal ini peminjam Bumiputera mencatatkan 24.6% dan 19.8% masing-masing dari segi bilangan dan nilai keseluruhan pinjaman yang diluluskan di bawah skim-skim utama. Pinjaman kepada kaum Cina mencatatkan 71.5% dan 77.4% dari segi bilangan dan nilai, manakala peminjam India pula mencatatkan 3.4% dan 2.2% dari segi bilangan dan nilai.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Table 4: Loans Guaranteed In 1999 And 2000

Year		1999		2000
Schemes	No	Value (RM million)	No	Value (RM million)
Main Schemes	8,277	1,915.6	8,595	2,054.1
Comprising :-				
New Principal Guarantee Scheme	8,261	1,903.7	7,165	1,988.9
Small Entrepreneurs Guarantee Scheme	-	-	1,385	50.8
Interest-Free Banking Facilities	16	11.9	23	5.8
Direct Access Guarantee Scheme	-	-	22	8.6
Programmed Lending Schemes	24,309	582.0	8,076	409.1
Comprising :-				
Small Entrepreneurs Fund	22,802	253.6	7,123	87.6
Flexi Guarantee Scheme	1,073	302.9	863	310.4
Franchise Financing Scheme	26	5.1	20	9.1
Youth Economic Development Programme	241	5.8	66	0.6
TOTAL	32,586	2,497.6	16,671	2,463.2

During the year, 11,700 loans valued at RM2,345.4 million were repaid and cancelled (1999 : 14,697 loans; RM2,069.1 million). The number of loan accounts that are still subject to CGC guarantee as at December 31, 2000 totals 82,087 loans valued at RM8.2 billion (1999 : 77,116 loans; RM8.1 billion).

Since its inception, the Corporation has cumulatively guaranteed 313,911 loans valued at RM19.5 billion.

2. DIRECTION OF LENDING

Loans guaranteed under the various guarantee schemes in 2000 benefited three broad sectors, namely, general business, manufacturing and agriculture. The general business sector accounted for 15,332 loans (1999 : 31,160 loans) valued at RM1,977.3 million (1999 : RM1,998.8 million), followed by the manufacturing sector with a total of 1,144 loans (1999 : 1,190 loans) valued at RM438.7 million (1999 : RM459.7 million) and the agriculture sector with a total of 191 loans (1999 : 228 loans) valued at RM44.6 million (1999 : RM35.2 million).

3. DISTRIBUTION BY STATES

As in the previous year, the distribution of loans guaranteed under the main schemes by region indicated a concentration in the Federal Territory of Kuala Lumpur, with 18.0% in terms of number and 24.2% in terms of value approved.

Under the Programmed Lending Schemes, the distribution of loans showed a concentration in Kelantan, which accounted for 19.1% in terms of number, and the Federal Territory of Kuala Lumpur, in terms of value with 28.7%.

4. RACIAL COMPOSITION OF LOANS

There has been no significant change in the racial composition of loans. Bumiputera entrepreneurs continued to enjoy ready access to CGC guaranteed loans under the main schemes in 2000. Loans to Bumiputera borrowers under the main schemes during the year were RM407.3 million. In this regard, Bumiputera borrowers accounted for 24.6% and 19.8% of the overall loans approved in terms of number and value respectively. Loans to Chinese borrowers accounted for 71.5% and 77.4% of the overall loans approved in terms of the number and value respectively with Indian borrowers accounting for 3.4% in terms of number and 2.2% in terms of value.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Di bawah Skim-skim Pembiayaan Berprogram, peniaga Bumiputera mencatatkan sebanyak 73.3% dari segi bilangan dan 43.2% dari segi nilai kelulusan pinjaman manakala kaum Cina mencatatkan 21.6% dan 54.2% masing-masing dari segi bilangan dan nilai. Kaum India pula mencatatkan 4.2% dari 2.0% masing-masing dari segi bilangan dan nilai pinjaman.

5. PINJAMAN MENGIKUT SAIZ

Di bawah SJUB, 32.3% daripada keseluruhan pinjaman yang dijamin pada tahun 2000 adalah melebihi RM250,000 berbanding dengan 27.0% pada tahun 1999. Dari segi nilai, pinjaman yang melebihi RM250,000 mencatatkan 70.9% berbanding dengan 66.6% pada tahun 1999. Ini jelas menunjukkan peningkatan yang ketara di dalam pinjaman individu yang lebih besar dalam tempoh tersebut.

Di bawah Skim Jaminan Anjal, pinjaman di bawah RM250,000 adalah sebanyak 63.4%. Dari segi nilai pula, pinjaman melebihi RM250,000 adalah sebanyak 78.5%. Sebahagian besar dari pinjaman di bawah Skim Jaminan Usahawan Kecil adalah di antara RM40,001 sehingga RM50,000, menyumbang sebanyak 45.6% dan 62.1% masing-masing dari segi bilangan dan nilai pinjaman.

Secara keseluruhannya, majoriti pinjaman yang dijamin oleh CGC dalam tahun 2000 adalah di dalam kategori di bawah RM250,000 yang secara langsung telah memanfaatkan perniagaan kecil.

SOROTAN KEWANGAN

Hasil kendalian CGC yang terdiri daripada yuran jaminan dan pendapatan faedah, telah meningkat sebanyak RM26.8 juta atau 27.8% dari RM96.5 juta pada tahun 1999 kepada RM123.3 juta dalam tahun 2000. Pendapatan dari yuran jaminan sepanjang tahun telah meningkat sebanyak RM7.6 juta atau 21.7% kepada RM42.6 juta berbanding dengan RM35.0 juta pada tahun 1999. Peningkatan pendapatan faedah daripada RM61.5 juta pada tahun 1999 kepada RM80.7 juta pada tahun 2000, adalah hasil dari pertambahan portfolio pelaburan melalui suntikan RM1.0 bilion daripada terbitan khas saham biasa baru kepada Bank Negara Malaysia. Perbelanjaan operasi bagi tahun 2000 telah meningkat kepada RM8.1 juta berbanding dengan RM6.2 juta pada tahun 1999, khususnya disebabkan oleh pertambahan bilangan kakitangan hasil dari program pengembangan serta peruntukan susut nilai dalam sekuriti pelaburan. Dengan perbezaan faedah yang diterima sebanyak RM36.6 juta (1999: RM52.0 juta), jumlah untung bersih pada tahun 2000 adalah sebanyak RM153.3 juta berbanding dengan RM33.2 juta pada tahun 1999, menunjukkan peningkatan sebanyak RM120.1 juta. Tiada peruntukan bagi tuntutan telah dikenakan ke atas penyata untung rugi berbanding dengan RM113.9 juta pada tahun 1999.

Berdasarkan kajian ke atas semua pinjaman gagal yang dilaporkan oleh institusi kewangan bagi menentukan tahap tanggungan CGC ke atas pinjaman yang dijaminnya, sejumlah RM4.6 juta telah disediakan sebagai Peruntukan Khas (1999 : RM182.0 juta) dan RM4.2 juta bagi Peruntukan Am (1999 : Peruntukan yang tidak diperlukan RM22.0 juta), menjadikan jumlah peruntukan bagi tahun 2000 sebanyak RM8.8 juta (1999 : RM204.0 juta). Jumlah keseluruhan peruntukan bagi memenuhi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC pada akhir tahun 2000 adalah berjumlah RM467.8 juta (1999: RM568.3 juta).

CGC terus memenuhi tanggungan terhadap pinjaman-pinjaman lapuk yang dituntut oleh institusi kewangan. Sepanjang tahun 2000, CGC menerima tuntutan sebanyak RM807.4 juta dengan 5,626 tuntutan telah diproses dan sebanyak 1,178 tuntutan bernilai RM94.7 juta telah dijelaskan.

Dengan untung bersih sebanyak RM153.3 juta yang diperolehi sepanjang tahun, jumlah dana pemegang saham CGC yang lerdiri dari modal saham, rizab dan peruntukan untuk tuntutan telah meningkat sebanyak 80.1% dari RM1,361.5 juta pada tahun 1999 kepada RM2,452.2 juta dalam tahun 2000.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

Under the Programmed Lending Schemes, Bumiputera businesses accounted for 73.3% of the total loans approved in terms of number, and 43.2% in terms of value; whereas the Chinese community accounted for 21.6% and 54.2% respectively both in terms of number and value. The Indian community accounted for 4.2% and 2.0% respectively both in terms of number and value.

5. RANGE OF LOAN SIZE

Under the NPGS, 32.3% of the total number of loans guaranteed in 2000 was above RM250,000 compared to 27.0% in 1999. In terms of value, loans in excess of RM250,000 accounted for 70.9% of the total compared to 66.6% in 1999. There is, therefore a noticeable shift towards bigger individual loans during the period under review.

Under the Flexi Guarantee Scheme, loans below RM250,000 prevailed in terms of number, namely 63.4%. In terms of value, loans in excess of RM250,000 accounted for 78.5%. The majority of loans under the Small Entrepreneurs Guarantee Scheme were those between the range of RM40,001 to RM50,000, contributing 45.6% and 62.1% respectively in terms of number and value.

Overall, the majority of loans guaranteed by the Corporation in 2000 were those below RM250,000 therefore directly benefiting the smaller enterprises.

FINANCIAL HIGHLIGHTS

The Corporation's operating revenue, comprising mainly of guarantee fees and interest income, increased by RM26.8 million or 27.8% from RM96.5 million in 1999 to RM123.3 million in 2000. Income from guarantee fees for the year increased by RM7.6 million or 21.7% to RM42.6 million compared with RM35.0 million in 1999. Interest income increased from RM61.5 million in 1999 to RM80.7 million in 2000, reflecting an increase in investment portfolio with the injection of RM1 billion from the special issue of new ordinary shares to Bank Negara Malaysia. The operating expenses for the year increased to RM8.1 million compared to RM6.2 million in 1999, mainly due to the higher number of staff as a result of the expansion programme and the provision in the diminution in value of investment securities. With interest arbitrage amounting to RM36.6 million (1999 : RM52.0 million), total net profit for the year amounted to RM153.3 million compared with RM33.2 million in 1999, representing an increase of RM120.1 million. No provision for claims has been charged to the profit and loss account compared to RM113.9 million in 1999.

Based on a review of all loans reported by banks as non-performing with the view to determining the extent of the Corporation's liability on guaranteed loans, the Corporation has set aside an additional Specific Provision of RM4.6 million (1999 : RM182.0 million) and an additional General Provision of RM4.2 million (1999 : a write back of RM22.0 million), hence, making the total provision for 2000 of RM8.8 million (1999: RM204.0 million). The total provision to meet claims on loans guaranteed by the Corporation stood at RM467.8 million (1999 : RM568.3 million) as at end of 2000.

The Corporation continued to discharge its liability on bad loans claimed by member financial institutions. During the year, claims were lodged amounting to RM807.4 million, with a total of 5,626 claims processed and a total of 1,178 claims amounting to RM94.7 million were settled.


With a net profit of RM153.3 million earned during the year, the total shareholders' funds of the Corporation, comprising share capital, reserves and provision for claims increased by 80.1% from RM1,361.5 million in 1999 to RM2,452.2 million in 2000.

MAKLUMAT OPERASI DAN KEWANGAN

Operational And Financial Highlights


Bilangan dan Nilai Terkumpul Pinjaman Dijamin di Bawah Semua Skim

Cumulative Number and Value of Loans Guaranteed Under All Schemes




Pinjaman Dijamin (Mengikut Bilangan dan Nilai) dari 1996 - 2000

Loans Guaranteed (by Number and Value) from 1996 - 2000




Hasil Kendalian (1996 - 2000)

Operating Income (1996 - 2000)



Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Operasi (1996 - 2000)

Total Income and Operating Expenses (1996 - 2000)



MAKLUMAT OPERASI DAN KEWANGAN

Operational And Financial Highlights



Skim-skim Utama <i>Main Schemes</i>	Nilai (RM) <i>Value (RMm)</i>	%	Pembentangan Berprogram <i>Programme Lending</i>	Nilai (RM) <i>Value (RMm)</i>	%
Bumiputera <i>Bumiputera</i>	407.3	19.8%	Bumiputera <i>Bumiputera</i>	176.6	43.2%
Bukan Bumiputera <i>Non-Bumiputera</i>	1,646.7	80.2%	Bukan Bumiputera <i>Non-Bumiputera</i>	232.5	56.8%
Jumlah <i>Total</i>	2,054.0	100.0%	Jumlah <i>Total</i>	409.1	100.0%



Taburan Saiz Pinjaman Di Bawah Semua Skim	No	Nilai (RM)	No (%)	Nilai (%)
<i>Range Of Loan Size Under All Schemes</i>	<i>No</i>	<i>Value (RMm)</i>	<i>No (%)</i>	<i>Value (%)</i>
1,000 - 50,000	9,433	172.0	56.6%	7.0%
50,001 - 100,000	2,118	179.8	12.7%	7.3%
100,001 - 250,000	2,466	439.5	14.8%	17.8%
250,001 - 500,000	1,642	622.3	9.8%	25.3%
500,001 - 1,000,000	703	521.2	4.2%	21.2%
1,000,001 - 10,000,000	309	528.4	1.9%	21.5%
Jumlah / Total	16,671	2,463.2	100.0%	100.0%

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

KEGIATAN-KEGIATAN LAIN

Demi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai skim-skim jaminan yang dikendalikannya, CGC terus menganjur dan mengambil bahagian di dalam pelbagai kegiatan. Sepanjang tahun 2000, sebanyak 22 sessi penerangan telah disertai oleh CGC di seluruh negara yang melibatkan seramai 4,369 peserta.

Sebagai ahli "Asian Credit Supplementation Institution Confederation" (ACSIC) yang terdiri dari Institusi Jaminan Kredit di 9 buah negara, iaitu Jepun, Korea, Thailand, Filipina, Indonesia, Nepal, Sri Lanka serta Malaysia, seorang kakitangan CGC telah menghadiri Program latihan ACSIC di Manila, Filipina.

Bagi menghargai penglibatan aktif oleh institusi kewangan tertentu di dalam melaksanakan skim-skim jaminannya, CGC akan menyampaikan Anugerah Pendokong Utama kepada 3 buah bank perdagangan dan sebuah syarikat kewangan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan CGC kali ke-28 yang akan diadakan nanti. Ini merupakan tahun ke enam CGC memberi penghormatan sedemikian.

Bagi membolehkan CGC merealisasikan wawasannya untuk menjadi Pusat Pembentukan IKS bagi menyalurkan kemudahan terus kepada IKS, CGC telah membuka cawangan di Selangor (cawangan utama), Alor Setar, Ipoh dan Johor Bahru pada tahun 2000. Cawangan-cawangan tersebut dibuka bagi memenuhi keperluan komuniti pembiayaan serta cawangan-cawangan institusi kewangan setempat. Ia juga turut mempertingkatkan lagi hubungan baik dan kesefahaman dengan golongan IKS di dalam usaha CGC menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain kemudahan yang berkaitan dengan pembangunan IKS.

MASA HADAPAN

Berdasarkan jangkaan pemulihan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2001 dan dengan mengambil kira cabaran yang mendatang, CGC berhasrat untuk meneruskan usaha untuk membantu lebih ramai golongan sasar pada tahun 2001. Bagi merealisasikan usaha tersebut dan demi meningkatkan laluan kepada IKS mendapatkan kemudahan kredit serta perkhidmatan lain di seluruh negara, CGC akan meneruskan rancangannya untuk membuka cawangan di setiap ibu negeri. Selain dari menyediakan kemudahan laluan terus kepada CGC, cawangan tersebut akan berperanan sebagai pelengkap kepada jaringan institusi kewangan yang sedia ada.

Menyedari potensi serta faedah Teknologi Maklumat (IT) yang dapat ditawarkan di dalam misinya untuk menyediakan laluan kredit yang lebih mudah kepada IKS, CGC akan melancarkan sebuah laman portal dengan matlamat untuk menjadikan CGC sebagai "Pusat Pinjaman Setempat" bagi IKS di Malaysia. Portal ini dijangka akan dapat membantu IKS mendapatkan maklumat umum dan juga maklumat dari aspek kewangan mengenai kemudahan pinjaman yang sedia ada serta menjadi pusat pertemuan di antara peminjam berpotensi (IKS) yang memerlukan kewangan dengan institusi kewangan yang ingin menawarkan pembiayaan serta CGC sebagai pemberi jaminan. Ciri utama portal ini adalah untuk membolehkan IKS memohon pembiayaan melalui Internet dan dapat mengemukakan permohonan kepada kesemua institusi kewangan terbabit serta CGC secara serentak.

Dengan jangkaan ekonomi di tahap yang sederhana, kadar pinjaman gagal dijangka turut bertahan dan mungkin menjadi lebih baik pada tahun ini. Menyedari keperluan untuk mengurus dan mengawal risiko serta pendedahan CGC dengan lebih baik, beberapa fungsi seperti pengurusan risiko, pemulihan, subrogasi dan aspek kutipan pembayaran balik pinjaman yang lebih tersusun telah dilaksanakan demi membantu CGC memainkan peranannya secara lebih berkesan.

Adalah jelas bahawa mekanisma jaminan merupakan alat yang kukuh untuk menentukan arah aliran kredit kepada IKS. CGC akan terus berusaha ke arah mencapai objektifnya demi kebaikan IKS khususnya dan Malaysia secara keseluruhannya. Adalah diharapkan dengan sokongan Kerajaan, pemegang saham serta lain-lain organisasi, CGC akan dapat menghasilkan kesan positif ke atas keseluruhan pembangunan IKS di negara ini.

LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Chief Executive's Report

SUPPORT ACTIVITIES

To create greater public awareness of the guarantee schemes, the Corporation continued to organize and participate in various activities. During the period, a total of 22 briefing sessions were held all over the country involving 4,369 participants.

As a member of the Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC) consisting of credit guarantee institutions in 9 member countries, namely, Japan, Korea, Taiwan, Thailand, Philippines, Indonesia, Nepal, Sri Lanka and Malaysia; one staff of the Corporation attended the 11th ACSIC Training Programme in Manila, Philippines.

In recognition of the active participation by certain financial institutions in its implementation of the various guarantee schemes, the Corporation will be presenting the CGC Top Supporter Award to 3 banks and 1 finance company in conjunction with the 28th Annual General Meeting. This will be the sixth year the Corporation is presenting these awards.

To enable the Corporation to realize its vision to become the SMI Financing Centre providing direct access to SMIs, the Corporation has successfully set up 4 branches namely in Selangor (Main Branch), Alor Setar, Ipoh and Johor Bahru in the year 2000. These branches are set up mainly to serve the business community and branches of financial institutions within the locality. It has also helped develop better rapport and understanding of the needs and requirements of the SMIs in the Corporation's effort to provide financial and other services in the development of SMIs.

OUTLOOK

In view of the expected improved developments in the national economy for 2001 as well as taking into consideration the challenges that is forthcoming, the Corporation intends to continue its effort to reach more entrepreneurs in year 2001. In order to realize the above efforts as well as create better access for SMIs to credit facilities and other services nation-wide, the Corporation will continue its plans to set up branches in every State capital. Besides providing direct access to CGC, these branches will also complement the role of the financial institutions' existing network.

*Recognising the potential and benefits that Information Technology (IT) has to offer in the mission to create better access to credit for SMIs, CGC will launch a web portal which is targeted to become the "**One-Stop-Financial Centre**" for SMIs in Malaysia. This portal will ultimately provide SMIs, features such as general and financial information on available loans and is slated to be the meeting point between potential borrowers (SMIs) requiring financing and financiers (FIs) who want to provide financing and CGC as the institutional guarantor. The main feature of this portal will be to allow SMIs to apply for financing via the Internet and be able to reach all participating financial institutions and CGC simultaneously.*

In anticipation of the economy moderating, the rate of non-performing loans is expected to also moderate if not improve during the year. In realizing the need to better manage and monitor the Corporation's risks and exposure, various functions such as risk management, loan rehabilitation, subrogation and recovery have been initiated and will assist the Corporation to be more effective in its role.

It is indeed more evident now than ever that the guarantee mechanism is a powerful tool to direct the flow of credit to SMIs. The Corporation will continue to strive to achieve its objective for the betterment of Malaysian SMIs in particular and the nation as a whole. It is hoped that with the continuous support from the Government, shareholders and other organisations, the Corporation will be able to have a positive impact on the overall development of SMIs.

LAPORAN PENGARAH

Director's Report

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan CGC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember, 2000.

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama CGC ialah memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh institusi kewangan yang menjadi ahli CGC di bawah Skim-Skim berikut:-

- Skim Jaminan Utama Baru (SJUB);
- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK);
- Tabung Usahawan Baru (TUB);
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- Skim Pembiayaan Francais (SPF);
- Skim Jaminan Anjal (SJA);
- Tabung Usahawan Kecil (TUK) (ditamatkan sejak Januari 2000);
- Tabung Ekonomi Belia (TEB);
- Skim Jaminan Utama, 1989 (ditamatkan sejak November 1998);
- Skim Tabung Pinjaman bagi Penjaja dan Peniaga Kecil (ditamatkan sejak Jun 1998); dan
- Skim Pinjaman Khas Persatuan (ditamatkan sejak Jun 1998).

Dalam tahun ini, CGC telah memperkenalkan Skim-Skim seperti berikut:-

- Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT); dan
- Skim Program Jaminan Usahawan (SPJU); dan
- Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK).

Tiada terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan CGC sepanjang tahun ini.

2. HASIL

	RM
Untung Kendalian bagi tahun ini	116,713,235
Tambah: Perbezaan faedah yang diperolehi	<u>36,584,229</u>
Untung bersih bagi tahun	153,297,464
Untung tersimpan dibawa ke hadapan	78,815,610
Untung untuk pindahan	232,113,074
Pindahan ke rizab	<u>(36,584,229)</u>
Untung tersimpan dihantar ke hadapan	<u>195,528,845</u>

3. MODAL SAHAM

Lanjutan dari resolusi yang telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada 29 Mac, 2000, CGC telah meningkatkan modal saham dibenar dari RM1,000,000,000 kepada RM3,000,000,000 dengan penambahan sebanyak 2,000,000,000 saham biasa bernilai RM1 setiap satu merangkumi:-

- (a) 1,400,000,000 saham biasa Kelas A;
- (b) 500,000,000 saham biasa Kelas B; dan
- (c) 100,000,000 saham biasa Kelas C.

Di samping itu, modal saham terbitan dan saham berbayar Kelas A telah meningkat dari RM97,076,000 kepada RM1,097,076,000 dengan terbitan 1,000,000,000 saham biasa yang baru bernilai RM1 setiap satu kepada Bank Negara Malaysia secara tunai pada nilai par.

LAPORAN PENGARAH

Director's Report

The directors have pleasure in submitting their annual report and the audited financial statements of the Corporation for the year ended 31st December, 2000.

1. PRINCIPAL ACTIVITIES

The Corporation provides guarantees in respect of credit facilities extended by member banks and finance companies to borrowers under the following schemes:-

- New Principal Guarantee Scheme (NPGS);
- Small Entrepreneurs Financing Fund (SEFF);
- New Entrepreneurs Fund (NEF);
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- Franchise Financing Scheme (FFS);
- Flexi Guarantee Scheme (FGS);
- Tabung Usahawan Kecil (TUK) (ceased operation with effect from January 2000);
- Youth Economic Development Program (YEDP);
- Principal Guarantee Scheme, 1989 (wound down with effect from November 1998);
- Loan Fund for Hawkers and Petty Traders Scheme (ceased operation in June 1998); and
- Association Special Loan Scheme (ceased operation in June 1998).

During the year, the Corporation introduced the following schemes:-

- Direct Access Guarantee Scheme (DAGS);
- Enterprise Program Guarantee Scheme (EPGS); and
- Small Entrepreneurs Guarantee Scheme (SEGS).

There have been no other significant changes in the activities during the year.

2. RESULTS

	RM
Operating profit for the year	116,713,235
Add: Interest arbitrage earned	36,584,229
<u>Net profit for the year</u>	<u>153,297,464</u>
Retained profits brought forward	78,815,610
Profits available for appropriation	232,113,074
Transfer to reserves	(36,584,229)
<u>Retained profits carried forward</u>	<u>195,528,845</u>

3. SHARE CAPITAL

Pursuant to a resolution passed by the shareholders on 29th March, 2000 the authorised share capital of the Corporation was increased from RM1,000,000,000 to RM3,000,000,000 by the creation of 2,000,000,000 ordinary shares of RM1 each comprising:-

- (a) 1,400,000,000 Class A ordinary shares;
- (b) 500,000,000 Class B ordinary shares; and
- (c) 100,000,000 Class C ordinary shares.

In addition, the issued and fully paid up capital of the Class A shares was increased from RM97,076,000 to RM1,097,076,000 by the issue of 1,000,000,000 new ordinary shares of RM1 each to Bank Negara Malaysia for cash at par.

4. RESERVES AND PROVISIONS

- (a) Reserves

The directors are recommending the transfer of RM36,584,229 from the profit for the year to the following reserves:-

Special Reserve	30,758,802
Special Program Reserve	5,616,016
SPTF Reserve	209,411
	<u>36,584,229</u>

LAPORAN PENGARAH

Director's Report

4. RIZAB DAN PERUNTUKAN

(a) Rizab

Para pengarah telah mencadangkan pindahan sebanyak RM36,584,229 daripada keuntungan pada tahun tersebut ke rizab berikut:

	RM
Rizab Khas	30,758,802
Rizab Program Khas	5,616,016
Rizab SPTF	209,411
	<u>36,584,229</u>

(b) Peruntukan

Bagi tahun ini, peruntukan kepada tuntutan yang mungkin dibuat ke atas CGC sebanyak RM33,816,807 telah disediakan dari Rizab Khas, Rizab SPTF dan Rizab Program Khas.

5. PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah CGC yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz - Pengerusi

Dato' Mohd Salleh bin Hj. Harun - Timbalan Pengerusi (dilantik pada 15 Julai, 2000)

Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad - Pengarah Urusan (dilantik pada 15 Julai, 2000)

Encik John Ting Sik Kang (bersara pada 31 Mac, 2001)

Datuk Amirsham bin A. Aziz

Encik Mohamed Azmi bin Mahmood

Encik Mohd Shah bin Dato' Abu Bakar

Encik Wong Yew Sen

Dr. Rozali bin Mohamaed Ali (dilantik pada 15 Julai, 2000)

Encik Michael Andrew Hague (dilantik pada 15 Julai, 2000)

Tidak ada pengarah yang memiliki saham CGC sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Encik Mohamed Azmi bin Mahmood, Datuk Amirsham bin A. Aziz dan Encik Wong Yew Sen bersara mengikut giliran berdasarkan Fasal 76A dan 76B Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

Dato' Mohd Salleh bin Hj. Harun, Dr. Rozali bin Mohamaed Ali, Encik Michael Andrew Hague dan Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad bersara mengikut Fasal 77 Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

Sejak tahun kewangan yang berakhir, tidak ada pengarah CGC yang telah menerima atau layak menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak diterima oleh pengarah-pengarah seperti yang di dalam akaun, atau gaji tetap bagi pengarah sepenuh masa CGC) mengikut kontrak yang dibuat oleh CGC dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Pada penghujung dan sepanjang tahun kewangan ini, CGC tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperolehi kepentingan melalui perolehan saham atau debentur CGC atau di dalam syarikat lain.

LAPORAN PENGARAH

Director's Report

4. RESERVES AND PROVISIONS (contd)

(b) Provision

During the year, a provision of RM33,816,807 representing possible claims against the Corporation was made by way of a charge against the Special Reserve, SPTF Reserve and Special Program Reserve.

5. DIRECTORS

The directors in office since the date of the last Directors' Report are:-

Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz - Chairman

Dato' Mohd Salleh bin Hj. Harun - Deputy Chairman (appointed on 15th July, 2000)

Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad - Managing Director (appointed on 15th July, 2000)

Encik John Ting Sik Kang (resigned on 31st March, 2001)

Datuk Amirsham bin A. Aziz

Encik Mohamed Azmi bin Mahmood

Encik Mohd Shah bin Dato' Abu Bakar

Encik Wong Yew Sen

Dr. Rozali bin Mohamed Ali (appointed on 15th July, 2000)

Encik Michael Andrew Hague (appointed on 15th July, 2000)

None of the directors have any interest in the shares of the Corporation during the year covered by the income statement.

Encik Mohamed Azmi bin Mahmood, Datuk Amirsham bin A. Aziz and Encik Wong Yew Sen retire by rotation in accordance with Articles 76A and 76B of the Corporation's Articles of Association at the forthcoming Annual General Meeting and, being eligible, offer themselves for re-election.

Data' Mohd Salleh bin Hj Harun, Dr. Rozali bin Mohamed Ali, Encik Michael Andrew Hague and Encik Wan Azhar bin Wan Ahmad retire in accordance with Article 77 of the Corporation's Articles of Association at the forthcoming Annual General Meeting and, being eligible, offer themselves for re-election.

Since the end of the last financial year, no director of the Corporation has received or become entitled to receive any benefit (other than a benefit included in the aggregate amount of emoluments received or due and receivable by directors shown in the financial statements, or the fixed salary of a full time director of the Corporation) by reason of a contract made by the Corporation with the director or with a firm in which the director is a member, or with a company in which the director has a substantial financial interest.

Neither during nor at the end of the financial year was the Corporation a party to any arrangements whose object was to enable the directors to acquire benefits by means of the acquisition of shares in or debentures of the Corporation or any other body corporate.

6. OTHER STATUTORY INFORMATION

(a) Before the balance sheet and income statement of the Corporation were made up, the directors took reasonable steps:-

(i) to ascertain that action had been taken in relation to the writing off of bad debts and the making of provisions for doubtful debts, and have satisfied themselves that all known bad debts had been written off and that adequate provision has been made for doubtful debts; and

(ii) to ensure that any current assets which were unlikely to realise, in the ordinary course of business, their values as stated in the accounting records of the Corporation have been written down to an amount which they might be expected so to realise.

LAPORAN PENGARAH

Director's Report

6. LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

- (a) Sebelum kunci kira-kira dan penyata kewangan CGC disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk:-
 - (i) menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan; dan
 - (ii) mempastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa CGC, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.
- (b) Pada tarikh laporan ini:-
 - (i) para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau peruntukan yang disediakan bagi hutang ragu yang tidak mencukupi;
 - (ii) para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa CGC di dalam penyata kewangan mengelirukan;
 - (iii) para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud bersangkutan dengan cara menilai harta atau tanggungan CGC mengelirukan atau tidak sesuai;
 - (iv) para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan;
 - (v) tidak terdapat sebarang gadaian ke atas harta CGC sejak 31 Disember, 2000 untuk menjamin tanggungan orang lain; dan
 - (vi) tidak terdapat apa-apa tanggungan luarjangka sejak 31 Disember, 2000 selain dari tanggungan berjangka yang berkaitan dengan kemudahan kredit yang dikeluarkan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan mengikut amalan perniagaan biasa.
- (c) Tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan CGC yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31 Disember, 2000, yang mana mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjelaskan keupayaan CGC dalam memenuhi tanggungannya apabila tiba masanya.
- (d) Mengikut pendapat para pengarah:-
 - (i) hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2000 tidak terjejas dengan banyak oleh sebarang butiran, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa; dan
 - (ii) tidak ada berbangkit butiran, urusniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa dari 31 Disember, 2000 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjelaskan dengan nyata hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

7. JURUAUDIT

Salleh, Leong, Azlan & Co. telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

LAPORAN PENGARAH


Director's Report

- (b) At the date of this report:-
- (i) the directors are not aware of any circumstances which would render the amount written off as bad debts or the amount provided for as doubtful debts inadequate to any substantial extent;
 - (ii) the directors are not aware of any circumstances that would render the values attributed to the current assets in the financial statements of the Corporation misleading;
 - (iii) the directors are not aware of any circumstances which have arisen that would render adherence to the existing method of valuation of assets or liabilities of the Corporation misleading or inappropriate;
 - (iv) the directors are not aware of any circumstances that would render any amount stated in the financial statements misleading;
 - (v) there does not exist any charge on the assets of the Corporation that has arisen since 31st December, 2000 which secures the liabilities of any other person; and
 - (vi) there does not exist any contingent liability that has arisen since 31st December, 2000 other than those that may arise from guarantees given in respect of credit facilities extended by member banks and finance companies in the ordinary course of business.
- (c) No contingent liability or other liability of the Corporation has become enforceable, or is likely to become enforceable within the period of twelve months from 31st December, 2000 which, in the opinion of the directors, will or may affect the ability of the Corporation to meet its obligations as and when they fall due.
- (d) In the opinion of the directors:-
- (i) the results of the operations of the Corporation for the year ended 31st December, 2000 were not substantially affected by any item, transaction or event of a material and unusual nature; and
 - (ii) there has not arisen in the interval between 31st December, 2000 and the date of this report any item, transaction or event of a material and unusual nature likely to affect substantially the results of the operations of the Corporation for the financial year in which this report is made.

7. AUDITOR

Salleh, Leong, Azlan & Co. have expressed their willingness to accept re-appointment.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,
On behalf of the Board,



DATO' DR. ZETI AKHTAR AZIZ



DR. ROZALI MOHAMED ALI
Kuala Lumpur,
Tarikh: 30 April, 2001 / Date: 30th April, 2001

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember

	Nota	2000 RM	1999 RM
HARTA TETAP	3	41,249,349	40,353,297

HARTA SEMASA

Yuran akan diterima	15,168,388	11,843,402
Penghutang-penghutang lain	2,517,386	2,214,612
Pinjaman dan pendahuluan	446,239,757	368,934,757
Sekuriti pelaburan	570,491,311	318,832,493
Simpanan tetap dan faedah akan diterima	2,879,635,014	1,762,816,192
Wang tunai dan baki dalam bank	4,051,975	43,205,682
	3,918,103,831	2,507,847,138

TOLAK: TANGGUNGAN SEMASA

Tuntutan akan dibayar	25,672,097	10,906,869
Pembiayaan-pembiayaan lain	25,819,083	22,761,967
Dana dari Kerajaan	120,000,000	120,000,000
Dana denda	102,676,000	-
Peruntukan tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	467,849,113	568,274,471
	742,016,293	721,943,307
	3,176,087,538	1,785,903,831
	3,217,336,887	1,826,257,128

HARTA BERSIH SEMASA

DIBIAYAI OLEH:

MODAL SAHAM	10	1,635,600,000	622,800,000
RIZAB	11	348,736,887	170,457,128
DANA PEMEGANG SAHAM		1,984,336,887	793,257,128

TANGGUNGAN JANGKA PANJANG

Dana dari Kerajaan	7	180,000,000	180,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	12	500,000,000	300,000,000
Tabung untuk Amanah Ikhtiar Malaysia	13	13,000,000	13,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	14	50,000,000	50,000,000
Tabung Usahawan Kecil	15	490,000,000	490,000,000
		1,233,000,000	1,033,000,000
		3,217,336,887	1,826,257,128

Nota-nota di muka surat 40 hingga 49 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 2000

	Nota	2000 RM	1999 RM
HASIL KENDALIAN	19	123,306,905	96,504,326
PELBAGAI UNTUNG KENDALIAN		1,527,458	4,775,079
		<hr/>	<hr/>
		124,834,363	101,279,405
KOS KAKITANGAN		(3,672,012)	(2,218,743)
SUSUTNILAI	3	(2,733,378)	(2,450,637)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		(1,718,050)	(1,488,010)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		(8,123,440)	(6,157,390)
PERUNTUKAN TUNTUTAN	9	-	(113,856,634)
UNTUNG KENDALIAN/(RUGI) BAGI TAHUN	20	116,710,923	(18,734,619)
PERBEZAAN FAEDAH YANG DIPEROLEHI	21	36,584,229	51,967,356
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN		153,295,152	33,232,737
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota-nota di muka surat 40 hingga 49 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 2000

	Modal Saham Biasa	Modal Saham Keutamaan	Rizab Khas	Rizab Program Khas	Rizab SPTF	Rizab Pembangunan	Untung Tersimpan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari, 1999	217,800,000	200,000,000	-	75,567,836	3,568,589	7,850,942	97,550,229	602,337,596
Rugi bagi tahun	-	-	-	-	-	-	(18,734,619)	(18,734,619)
Perbezaan faedah yang diperolehi	-	-	-	-	-	-	51,967,356	51,967,356
Diterbitkan dalam tahun	217,800,000	-	-	-	-	-	-	217,800,000
Jumlah saham terbitan belum berbayar	(12,800,000)	-	-	-	-	-	-	(12,800,000)
Pindahan dari penyata pendapatan ke rizab	-	-	33,241,158	17,832,702	279,316	614,180	(51,967,356)	-
Pindahan dari Rizab	-	-	8,465,122	-	-	(8,465,122)	-	-
Pembangunan Am ke Rizab Khas	-	-	-	2,000,000	-	-	-	2,000,000
Dana diterima bagi tahun - SPF	-	-	-	(39,102,291)	(7,509,345)	-	-	(46,611,636)
Peruntukan tuntutan yang tidak diperlukan dalam tahun	-	-	-	-	491,839	-	-	491,839
Pulangan tuntutan - Skim PPK	-	-	6,234	-	-	-	-	6,234
Caj perkhidmatan	-	-	(2,610,223)	-	-	-	-	(2,610,223)
• Skim TPPPK 1992	-	-	-	(693,216)	-	-	-	(693,216)
Kos pentadbiran - TUK	-	-	-	103,797	-	-	-	103,797
 Baki pada 31 Disember, 1999	 422,800,000	 200,000,000	 -	 87,301,774	 4,339,744	 -	 78,815,610	 793,257,128
 Baki dibawa ke hadapan	 422,800,000	 200,000,000	 -	 87,301,774	 4,339,744	 -	 78,815,610	 793,257,128
Untung bersih bagi tahun	-	-	-	-	-	-	116,710,923	116,710,923
Perbezaan faedah yang diperolehi	-	-	-	-	-	-	36,584,229	36,584,229
Pindahan dari penyata pendapatan ke rizab	-	-	30,758,802	5,616,016	209,411	-	(36,584,229)	-
Diterbitkan dalam tahun	1,000,000,000	-	-	-	-	-	-	1,000,000,000
Jumlah dibayar untuk terbitan saham	12,800,000	-	-	-	-	-	-	12,800,000
Dana diterima dalam tahun	-	-	-	-	-	-	-	-
• SPF - dana jaminan	-	-	-	7,196,500	-	-	-	7,196,500
- subsidi faedah	-	-	-	7,196,500	-	-	-	7,196,500
• Dana "Vendor"	-	-	-	21,422,245	-	-	-	21,422,245
Peruntukan tuntutan	-	-	-	(29,800,274)	-	-	-	(29,800,274)
Peruntukan yang tidak diperlukan dalam tahun	-	-	20,273,839	-	740,028	-	-	21,013,867
• Caj perkhidmatan	-	-	(1,991,734)	-	-	-	-	(1,991,734)
- Skim TPPPK 1992	-	-	3,991	-	-	-	-	3,991
Pendapatan faedah - Skim PPK	-	-	-	(409,383)	-	-	-	(409,383)
Kos pentadbiran - TUK	-	-	-	(175,140)	-	-	-	(175,140)
Subsidi faedah - SPF	-	-	-	528,035	-	-	-	528,035
Faedah dibawa TPUK	-	-	-	-	-	-	-	-
 Baki pada 31 Disember, 2000	 1,435,600,000	 200,000,000	 49,044,898	 98,876,273	 5,289,183	 -	 195,526,533	 1,984,336,887

Nota-nota di muka surat 40 hingga 49 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 2000

	2000 RM	1999 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PENGENDALIAN		
Untung bersih sebelum cukai	153,297,464	33,232,737
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta tetap	2,733,378	2,450,637
Peruntukan Susutnilai dalam Pelaburan	(3,492,103)	(2,016,749)
Untung atas pelupusan harta tetap	(92,088)	-
Harta tetap yang dihapus kira	840	-
Perbezaan faedah	(36,584,229)	(51,967,356)
Peruntukan tuntutan	-	113,856,634
Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan	115,863,262	95,555,903
Tambahan dalam yuran akan diterima	(3,324,986)	(1,923,339)
(Tambahan)/kurangan faedah akan diterima	(16,381,436)	28,078,513
Tambahan penghutang- penghutang lain	(302,774)	(379,404)
Tambahan pinjaman dan pendahuluan	(77,305,000)	(223,765,931)
Tambahan pembiutang-pembiutang lain	105,730,804	1,979,123
Wang tunai yang dihasilkan/(digunakan) dalam pengendalian	124,279,870	(100,455,135)
Pembayaran tuntutan di bawah Skim-skim jaminan	(94,446,537)	(24,360,126)
Pendapatan faedah di bawah "Skim TPUK"	528,035	103,797
Pendapatan faedah di bawah Skim PPK	3,991	-
Subsidi faedah yang dibayar untuk SPF	(175,140)	-
Caj perkhidmatan di bawah "Skim TPPPK 1992"	(1,991,734)	(2,610,223)
Kos pentadbiran di bawah "Skim TUK"	(409,383)	(693,216)
Pengembalian tuntutan	-	6,234
Wang tunai bersih yang dihasilkan/(digunakan) dalam kegiatan pengendalian	27,789,102	(128,008,669)

ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN

Perolehan dari sekuriti pelaburan matang	35,724,400	8,000,000
Perolehan dari penjualan harta tetap	237,720	-
Pembelian harta tetap	(3,775,902)	(354,298)
Pembelian sekuriti pelaburan	(283,048,191)	(225,405,065)
Perbezaan faedah yang diperolehi	35,627,433	48,824,605
Wang tunai bersih yang digunakan dalam kegiatan pelaburan	(215,234,540)	168,934,758

ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN

Dana diterima dari Bank Negara Malaysia	200,000,000	300,000,000
Dana diterima di bawah Tabung Skim Pembentukan Francais	14,393,000	2,000,000
Dana diterima di bawah Tabung Usahawan Kecil	-	400,000,000
Dana diterima di bawah Tabung "Vendor"	21,422,245	-
Perolehan dari terbitan hak	12,800,000	205,000,000
Perolehan dari penerbitan saham biasa	1,000,000,000	-
Wang tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	1,248,615,245	907,000,000

Nota-nota di muka surat 40 hingga 49 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN WANG TUNAI
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 2000

	2000	1999
	RM	RM
PERTAMBAHAN BERSIH WANG TUNAI DAN KESAMAAN		
WANG TUNAI DALAM TAHUN	1,061,169,807	610,056,573
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1 JANUARI	1,788,348,158	1,178,291,585
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	2,849,517,965	1,788,348,158
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:-		
Simpanan Tetap	2,845,465,990	1,745,142,476
Wang tunai dan baki dalam bank	4,051,975	43,205,682
	2,849,517,965	1,788,348,158

Nota-nota di muka surat 40 hingga 49 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

1. ASAS PERAKAUNAN

Akaun ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos asal dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

(a) Harta Tetap

Harta tetap dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya jumlah susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos harta tetap yang berkenaan dalam jangkamasa kegunaan harta-harta tersebut. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

Bangunan atas tanah pegang pajak	4%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat	20%
Perabut dan kelengkapan	20%
Peralatan komputer	20%

(b) Sekuriti Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain adalah dinyatakan mengikut kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar portfolio.

(c) Pengiraan Hasil

Yuran jaminan diambilkira atas dasar terakru mengikut tempoh masa jaminan masing-masing. Pendapatan faedah daripada simpanan tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain diambilkira atas dasar terakru.

(d) Peruntukan Tuntutan Di bawah Skim-skim Jaminan

Peruntukan khas untuk memenuhi tuntutan telah dibuat bagi tanggungan CGC berdasarkan pemberitahuan yang dibuat oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan apabila pinjaman telah dikelaskan sebagai tidak berbayar. Pengelasan pinjaman sebagai tidak berbayar oleh institusi kewangan adalah berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia melalui "Garis Panduan ke atas Penangguhan Faedah Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang lapuk dan Meragukan, BNM/GP3".

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak 1.5% (1999: 1.5%) daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang dijamin oleh CGC selepas diambil kira peruntukan khas untuk tuntutan juga disediakan.

Peruntukan terhadap tuntutan dibuat menerusi rizab yang tertentu. Di dalam keadaan di mana rizab tersebut tidak mencukupi, baki terhadap peruntukan tersebut akan dicaj menerusi penyata pendapatan.

(e) Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

3. HARTA TETAP

	Bangunan Atas Tanah Pegang Pajak	Kenderaan Bermotor	Peralatan Pejabat	Perabot dan Kelengkapan	Peralatan Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2000						
Kos:						
Pada 1 Januari	44,091,574	426,554	283,333	1,787,487	2,741,787	49,330,735
Tambahan	-	849,834	172,828	1,629,757	1,123,483	3,775,902
Jualan	-	(314,192)	-	-	(500)	(314,692)
Dihapuskan	-	-	(2,288)	-	-	(2,288)
Pada 31 Disember	44,091,574	962,196	453,873	3,417,244	3,864,770	52,789,657
Susutnilai Terkumpul:						
Pada 1 Januari	5,290,989	220,575	227,983	1,179,382	2,058,509	8,977,438
Caj bagi tahun ini	1,763,663	130,554	33,987	439,908	365,266	2,733,378
Jualan	-	(169,060)	-	-	-	(169,060)
Dihapuskan	-	-	(1,448)	-	-	(1,448)
Pada 31 Disember	7,054,652	182,069	260,522	1,619,290	2,423,775	11,540,308
Nilai Buku Bersih Pada 31 Dis	37,036,922	780,127	193,351	1,797,954	1,440,995	41,249,349
1999						
Kos:						
Pada 1 Januari	44,091,574	426,554	261,408	1,760,799	2,436,102	48,976,437
Tambahan	-	-	21,925	26,688	305,685	354,298
Pada 31 Disember	44,091,574	426,554	283,333	1,787,487	2,741,787	49,330,735
Susutnilai Terkumpul:						
Pada 1 Januari	3,527,326	135,264	200,916	907,598	1,755,697	6,526,801
Caj bagi tahun ini	1,763,663	85,311	27,067	271,784	302,812	2,450,637
Pada 31 Disember	5,290,989	220,575	227,983	1,179,382	2,058,509	8,977,438
Nilai Buku Bersih Pada 31 Dis	38,800,585	205,979	55,350	608,105	683,278	40,353,297

Geran hak milik bagi bangunan atas tanah pegang pajak masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

4. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN

	2000 RM	1999 RM
Pada 1 Januari	368,934,757	145,168,826
Tambah: Pinjaman dikeluarkan	<u>147,276,720</u>	<u>245,566,000</u>
Tolak: Bayaran diterima	516,211,477	390,734,826
Pada 31 Disember	(69,971,720)	(21,800,069)
	446,239,757	368,934,757

Jumlah ini merupakan baki pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC yang tertera dalam Nota 7 kepada penyata kewangan ini serta pembiayaan Skim Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Pembentukan Usahawan Kecil (TPUK), Tabung Usahawan Kecil (TUK) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

5. SEKURITI PELABURAN

	2000 RM	1999 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	450,810,965	264,047,899
Peruntukan susutnilai	-	(4,932,399)
	450,810,965	259,115,500
Faedah akan diterima	2,427,752	1,222,414
	453,238,717	260,337,914
 Bon Cagamas	 71,941,500	57,248,500
Faedah akan diterima	1,702,542	1,246,079
	73,644,042	58,494,579
 Bon-bon lain	 43,372,000	-
Faedah akan diterima	236,552	-
	43,608,552	-
 Nilai Pasaran	 570,491,311	318,832,493
• Sekuriti Kerajaan Malaysia	455,126,691	259,115,500
• Bon Cagamas	71,519,500	57,248,500
• Bon-bon lain	44,583,750	-
	571,229,941	316,364,000

6. SIMPANAN TETAP DAN FAEDAH AKAN DITERIMA

Simpanan tetap		
• dengan bank-bank berlesen	1,466,403,544	956,260,493
• dengan syarikat-syarikat kewangan berlesen	1,339,062,446	748,881,983
• lain-lain	40,000,000	40,000,000
	2,845,465,990	1,745,142,476
 Faedah akan diterima		
• dari bank-bank berlesen	20,276,397	8,113,079
• dari syarikat-syarikat kewangan berlesen	12,292,627	6,960,637
• lain-lain	1,600,000	2,600,000
	34,169,024	17,673,716
	2,879,635,014	1,762,816,192

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

7. DANA KERAJAAN

	2000 RM	1999 RM
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember	<u>300,000,000</u>	<u>300,000,000</u>
Bayar balik bila diarahkan	<u>120,000,000</u>	<u>120,000,000</u>
Bayar balik selepas 12 bulan	<u>180,000,000</u>	<u>180,000,000</u>
	<u>300,000,000</u>	<u>300,000,000</u>

Ini termasuk pelbagai pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM). Sebanyak RM200 juta adalah untuk membolehkan CGC meningkatkan rizab dan dikenakan faedah pada kadar 1% setahun manakala RM100 juta adalah bertujuan untuk membolehkan CGC mengendalikan tabung pinjaman dan dikecualikan dari faedah.

Sebahagian dari Dana kerajaan berjumlah RM20 juta adalah untuk pengendalian Skim Pinjaman Khas Persatuan (SPKP) dengan bayaran balik berdasarkan arahan, RM100 juta untuk Tabung Pelaburan Baru (TPB) yang perlu dibayar balik pada 14 Disember, 2003 dan RM100 juta untuk pengendalian tabung pinjaman yang perlu dibayar balik berdasarkan permintaan di bawah TPPPK 1992.

Dari jumlah ini, RM200 juta adalah bercagar dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Simpanan Tetap masing-masing bernilai RM77,000,000 dan RM80,000,000.

Perbezaan faedah yang diperolehi dari simpanan ini dipindahkan ke Rizab Khas, Rizab Program Khas dan Rizab SPTF (Nota 11 dan 21).

8. DANA DENDA

Dalam tahun ini, BNM telah mengenakan denda ke atas institusi-institusi kewangan yang gagal mematuhi Garispanduan Pinjaman ke atas Sektor Keutamaan 1998 oleh BNM.

Denda tersebut yang berjumlah RM102,676,000 adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah kepada CGC, matang dalam tempoh satu tahun dari tarikh ianya dikeluarkan. Pinjaman ini dijamin oleh Nota Perjanjian yang dikeluarkan oleh CGC.

Pinjaman ini akan dilaburkan semula dan pendapatan yang diperolehi dari pelaburan tersebut akan digunakan untuk memenuhi tuntutan di bawah Skim TUK.

9. PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN DI BAWAH SKIM-SKIM JAMINAN

	2000 RM	1999 RM
Peruntukan khas:		
Pada 1 Januari	527,730,487	379,354,144
Peruntukan dalam tahun		
• Rizab Program Khas	29,632,257	64,308,192
• Rizab Khas	-	4,262,393
• caj kepada penyata pendapatan	-	113,856,634
Peruntukan yang tidak diperlukan dalam tahun		
• Rizab Khas	(24,200,263)	-
• Rizab SPTF	(830,137)	(471,150)
Tuntutan perlu dibayar	(109,211,765)	(33,579,726)
Pada 31 Disember	423,120,579	527,730,487
Peruntukan am:		
Pada 1 Januari	40,543,984	62,523,622
Peruntukan dalam tahun		
• Rizab Khas	3,926,424	-
• Rizab Program Khas	168,017	3,246,951
• Rizab SPTF	90,109	-
Peruntukan yang tidak diperlukan		
• Rizab Khas	-	(25,205,900)
• Rizab SPTF	-	(20,689)
Pada 31 Disember	44,728,534	40,543,984
Jumlah	467,849,113	568,274,471

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

10. MODAL SAHAM

	2000 RM	1999 RM
DIBENARKAN:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu -		
Pada 1 Januari	500,000,000	500,000,000
Peningkatan dalam tahun	<u>2,000,000,000</u>	-
Pada 31 Disember	<u>2,500,000,000</u>	500,000,000
Saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu -		
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember	<u>500,000,000</u>	500,000,000
Saham biasa yang dibenarkan terdiri dari:		
Kelas A		
Pada 1 Januari	100,000,000	100,000,000
Peningkatan dalam tahun	<u>1,400,000,000</u>	-
Pada 31 Disember	<u>1,500,000,000</u>	100,000,000
Kelas B		
Pada 1 Januari	250,000,000	250,000,000
Peningkatan dalam tahun	<u>500,000,000</u>	-
Pada 31 Disember	<u>750,000,000</u>	250,000,000
Kelas C		
Pada 1 Januari	150,000,000	150,000,000
Peningkatan dalam tahun	<u>100,000,000</u>	-
Pada 31 Disember	<u>250,000,000</u>	150,000,000
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	<u>2,500,000,000</u>	500,000,000

Saham Kelas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada Bank Negara Malaysia. Saham Kelas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak dikelasifikasikan sebagai saham Kelas A atau saham Kelas B adalah saham Kelas C.

DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:

	2000 RM	1999 RM
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu -		
Diterbitkan pada 1 Januari	422,800,000	217,800,000
Diterbitkan dalam tahun	<u>1,000,000,000</u>	<u>217,800,000</u>
Diterbitkan pada 31 Disember	<u>1,422,800,000</u>	<u>435,600,000</u>
Tolak : Jumlah belum berbayar	-	12,800,000
Tambah : Jumlah dibayar dalam tahun	<u>12,800,000</u>	-
Berbayar pada 31 Disember	<u>1,435,600,000</u>	422,800,000
200,000,000 saham keutamaan boleh tebus 10 tahun pada kadar 1% tidak terkumpul bernilai RM1 setiap satu -		
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember	<u>200,000,000</u>	200,000,000
Jumlah	<u>1,635,600,000</u>	622,800,000

Saham keutamaan ini memberi hak kepada dividen keutamaan pada kadar 1% (selepas cukai) ke atas modal yang telah dibayar dan ianya akan dibayar dalam masa tertentu mengikut syarat-syarat yang mana pengarah-pengarah dengan kuasa yang ada dan pada pertimbangan mereka telah menentukan yang ianya layak dibayar, dibuat atau dibayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak akan diberi hak kepada sebarang tuntutan ke atas keuntungan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

10. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:

	2000 RM	1999 RM
Kelas A		
Diterbitkan pada 1 Januari	97,096,000	43,560,000
Diterbitkan dalam tahun	1,000,000,000	-
Dipindahkan dari Kelas B	-	3,504,000
Terbitan hak dalam tahun - Kelas A	-	43,560,000
- Kelas B	-	3,504,000
- Kelas C	-	2,968,000
Diterbit dan dibayar pada 31 Disember	<u>1,097,096,000</u>	<u>97,096,000</u>
Kelas B		
Diterbitkan pada 1 Januari	224,091,500	114,877,000
Pengkelasan semula dalam tahun	-	3,444,000
Dipindahkan ke Kelas A	-	(3,504,000)
Terbitan hak dalam tahun	-	114,817,000
Diterbitkan pada 31 Disember	<u>224,091,500</u>	<u>229,634,000</u>
Tolak : Jumlah belum berbayar	-	(5,542,500)
Tambah : Jumlah dibayar dalam tahun	5,542,500	-
Dibayar pada 31 Disember	<u>229,634,000</u>	<u>224,091,500</u>
Kelas C		
Diterbit pada 1 Januari	101,612,500	59,363,000
Pengkelasan semula dalam tahun	-	(3,444,000)
Terbitan hak dalam tahun	-	52,951,000
Diterbitkan pada 31 Disember	<u>101,612,500</u>	<u>108,870,000</u>
Tolak : Jumlah belum berbayar	-	(7,257,500)
Tambah : Jumlah dibayar dalam tahun	7,257,500	-
Dibayar pada 31 Disember	<u>108,870,000</u>	<u>101,612,500</u>
Jumlah modal saham biasa	<u>1,435,600,000</u>	<u>422,800,000</u>

11. RIZAB

Rizab Program Khas
Rizab Khas
Rizab SPTF
Untung Tersimpan

Rizab Program Khas:-
Pada 1 Januari
Penerimaan Tabung Skim Pembiayaan Francais (SPF)

- tabung jaminan (nota 16)
- subsidi faedah

Penerimaan Tabung "Vendor"
Kos pentadbiran di bawah TUK
Subsidi faedah di bawah SPF
Faedah di bawah TPUK
Pindahan dari penyata pendapatan
Peruntukan tuntutan
Pada 31 Disember

	2000 RM	1999 RM
Rizab Program Khas	98,876,273	87,301,774
Rizab Khas	49,044,898	-
Rizab SPTF	5,289,183	4,339,744
Untung Tersimpan	<u>195,526,533</u>	<u>78,815,610</u>
	<u>348,736,887</u>	<u>170,457,128</u>
	87,301,774	75,567,836
Penerimaan Tabung Skim Pembiayaan Francais (SPF)		
• tabung jaminan (nota 16)	7,196,500	2,000,000
• subsidi faedah	7,196,500	-
Penerimaan Tabung "Vendor"	21,422,245	-
Kos pentadbiran di bawah TUK	(409,383)	(693,216)
Subsidi faedah di bawah SPF	(175,140)	-
Faedah di bawah TPUK	528,035	103,797
Pindahan dari penyata pendapatan	5,616,016	17,832,702
Peruntukan tuntutan	<u>(29,800,274)</u>	<u>(7,509,345)</u>
Pada 31 Disember	98,876,273	87,301,774

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

11. RIZAB (SAMBUNGAN)

	2000 RM	1999 RM
Rizab Khas:-		
Pada 1 Januari	30,758,802	33,241,158
Pindahan dari penyata pendapatan	-	8,465,122
Pindahan dari Rizab Pembangunan Am	20,273,839	(39,102,291)
Tulis balik/(peruntukan) tuntutan	-	6,234
Tulis balik tuntutan di bawah "Skim PPK"	(1,991,734)	(2,610,223)
Caj perkhidmatan di bawah "TPPPK 1992"	3,991	-
Faedah pendapatan - Skim PPK	49,044,898	-
Pada 31 Disember		
Rizab SPTF:-		
Pada 1 Januari	4,339,744	3,568,589
Pindahan dari penyata pendapatan	209,411	279,316
Tulis balik peruntukan tuntutan	740,028	491,839
Pada 31 Disember	5,289,183	4,339,744
Rizab Pembangunan Am:-		
Pada 1 Januari	-	7,850,942
Pindahan dari penyata pendapatan	-	614,180
Pindahan ke Rizab Khas	-	8,465,122
Pada 31 Disember	-	(8,465,122)

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, SPF dan TEB dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) dalam tahun 1997 untuk TPUK (Nota 14).

Dalam tahun ini, CGC telah menerima sebanyak RM21.4 juta dari KPU untuk menyediakan jaminan ke atas pembiayaan yang dikeluarkan di bawah beberapa skim jaminan oleh institusi-institusi kewangan kepada syarikat-syarikat vendor yang layak.

Rizab Khas ini, diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh CGC di bawah pelbagai skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

Rizab SPTF (Skim Perbankan Tanpa Faedah) diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPTF di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

Jumlah yang dipindahkan dari penyata pendapatan ke atas rizab-rizab ini terdiri daripada perbezaan faedah yang diperolehi dari dana kerajaan, tabung TUK, tabung AIM dan TPUK (Nota 7, 13 dan 14).

12. PINJAMAN DARI BANK NEGARA MALAYSIA

Dalam tahun ini, CGC telah menerima pinjaman sebanyak RM200 juta dari Bank Negara Malaysia untuk mentadbir Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2). Pembayaran balik akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana di bawah TIKS2 telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 1.0% setahun.

Dalam tahun 1999, sebanyak RM100,000,000 telah diperuntukkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membolehkan CGC meningkatkan rizab jaminan. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang selama 5 tahun dari tarikh pengeluaran pada 8 Julai, 1999.

Bank Negara Malaysia telah memberikan pinjaman sebanyak RM200 juta kepada CGC untuk menanggung kos operasi CGC dalam pengendalian terbitan saham hak. Jumlah ini dikenakan faedah sebanyak 1% setahun dan telah matang pada 31 Disember, 1999.

Selepas pinjaman tersebut matang, jumlah ini telah disalurkan kepada TUK untuk memenuhi permintaan pinjaman dan akan digunakan untuk meningkatkan tabung rizab bagi memenuhi keperluan tuntutan di bawah skim TUK.

Pinjaman ini dijamin oleh nota perjanjian yang dikeluarkan pada 4 Januari, 2000 dengan tempoh matang pada 31 Disember, 2004, pada kadar faedah 1% setahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

13. DANA AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

	2000 RM	1999 RM
Pada 31 Disember	<u>13,000,000</u>	<u>13,000,000</u>

Pada 31 Oktober, 1995, 15 institusi kewangan telah menandatangani perjanjian dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan CGC bagi mewujudkan dana pusingan sebanyak RM13,000,000 dalam bentuk pinjaman tanpa faedah yang diuruskan oleh CGC bagi skim yang dikenali sebagai "Skim Pinjaman Ikhtiar AIM". Hasil pelaburan daripada bahagian dana yang tidak digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas untuk menyerap kerugian yang mungkin dihadapi dari pinjaman di bawah skim ini (Nota 11).

14. TABUNG PEMBIAYAAN USAHAWAN KECIL

	2000 RM	1999 RM
Pada 31 Disember	<u>50,000,000</u>	<u>50,000,000</u>

Dalam tahun 1996, CGC telah menandatangani satu perjanjian dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang akan menyumbangkan RM200 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) yang mana RM50 juta telah diterima dalam tahun 1996. Pembayaran balik akan dibuat secara ansurans tahunan dengan jumlah yang sama selama 5 tahun bermula dari ulangtahun kelima setiap sumbangan.

Selain dari itu, KPUn telah menyumbangkan tabung jaminan sebanyak RM40 juta dalam tahun 1996 yang dimasukkan di bawah Program Rizab Khas untuk tujuan menyerap kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 11).

Tujuan tabung ini diwujudkan adalah untuk menyediakan satu lagi pendekatan bagi usahawan-usahawan kecil untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi memaju dan menaikkan taraf perniagaan mereka. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil di bawah TPUK adalah tidak melebihi 6% setahun dan jumlah pinjaman yang diberikan kepada setiap usahawan adalah tidak melebihi RM50,000.

Berkuatkuasa pada 1 Januari, 1999, KPUn telah menggabungkan TPUK dan TUK. Penggabungan kedua-dua skim ini dikenali sebagai TUK. Tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang berada di bawah Rizab Program Khas boleh digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan Unit Pinjaman Kecil (SLU) yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan skim TUK yang baru.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 11).

15. TABUNG USAHAWAN KECIL

	2000 RM	1999 RM
Pada 1 Januari	490,000,000	90,000,000
Penerimaan dalam tahun	-	400,000,000
Pada 31 Disember	<u>490,000,000</u>	<u>490,000,000</u>

Pada 10 Disember, 1998, CGC telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbangkan sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Tabung untuk pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun apabila skim ini dimansuhkan.

Tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini diperuntukkan untuk TPPPK 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18 Disember, 1997.

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan berjumlah di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Dalam tahun 1999, Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan RM400,000,000 untuk tabung ini di mana RM300,000,000 telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8 Julai, 1999 dan RM100,000,000 dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3 September, 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun.

CGC telah memberhentikan pemberian pinjaman baru di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1 Januari, 2000. Walaubagaimanapun, CGC masih menguruskan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum dari tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 11).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember, 2000

